

ASEAN tumpuan pelabur asing
Utusan Online
30 Mac, 2012
Oleh Sarah Nadlin Rohim

KUALA LUMPUR 29 Mac - Pasaran saham ASEAN bakal menjadi tumpuan pelabur asing terutama dari Eropah dan Amerika Syarikat apabila operasi merentasi sempadan ASEAN dilancarkan Jun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia Bhd., Datuk Tajuddin Atan berkata, ia akan dimulakan apabila Bursa Malaysia memulakan kerjasama dengan bursa Singapura pada tarikh tersebut dan diikuti dengan pasaran saham Thailand pada Ogos.

"Hubungan merentasi sempadan ASEAN ini akan memberi lebih banyak pilihan kepada pelabur-pelabur memilih kaunter saham mengikut keperluan pelaburan mereka.

"Selain itu, pasaran saham rantau ini juga bakal mencuri tumpuan pelabur-pelabur luar untuk memasuki pasaran," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat agung tahunan Bursa Malaysia di sini hari ini.

Hadir sama Pengerusi Bursa Malaysia, Tun Mohamed Dzaidin Abdullah dan Ketua Pegawai Kewangannya, Nadzirah Abdul Rashid.

Sementara itu, dalam usaha merancakkan pasaran saham tempatan, Bursa Malaysia bakal memperkenalkan bon-bon runcit kepada para pelabur untuk mempelbagai portfolio mereka menjelang separuh kedua tahun ini.

"Sebelum ini, terbitan bon lebih tertumpu kepada pelabur-pelabur institusi, apabila kita memperkenalkannya di pasaran tempatan pelabur-pelabur runcit berpeluang ikut serta dan bertukar kepada instrumen hutang berbanding ekuiti.

"Caranya adalah sama seperti untuk memiliki saham-saham ekuiti apabila dibuat melalui broker dan setakat ini kami sedang melihat beberapa perkara sebelum melancarkannya," jelas Tajuddin.

Selain itu, untuk 2012 Bursa Malaysia telah menetapkan indeks prestasi utama (KPI) bagi pertumbuhan keuntungan selepas cukai sebanyak 20 peratus.

Penambahbaikan akses kepada pasaran dan pertambahan tawaran produk turut menjadi keutamaan kepada mereka pada tahun ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0330&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pq=ek_01.htm